

SINAR HARIAN (SABTU) 26/8/17

## Tambah baik penguasaan pelajar dalam subjek Sains

KUANTAN - Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pahang dan Kelab GoGoGreen negeri bekerjasama menjayakan Kem Saintis Muda 2017 dalam usaha menambah baik penguasaan pelajar dalam Sains.

Program anjuran Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FIST) itu berjaya menyuntik elemen celik Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dalam kalangan pelajar sekolah di negeri ini.

Pengarah program, Dr Saifull Kamaluddin Muzakir berkata, program itu mendedahkan pelajar dengan alatan di dalam makmal dan penggunaan bahan semula jadi sebagai sumber tenaga bagi aktiviti seharian.

Menurutnya, lebih 10 pelajar membabitkan penyertaan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Semambu, SMK Gambang, SMK Sultanah Hajjah Kalsom, SMK Mat Kilau dan SMK Lepar di universiti berkenaan, baru-baru ini.



Peserta Kem Saintis Muda bergambar selepas tamat program.

“Program dijalankan sebagai inisiatif Jabatan Pendidikan negeri untuk menambah baik peratusan pelajar menguasai bidang Sains secara tidak langsung memberi pendedahan kepada pelajar untuk berfikir secara kreatif dan kritis berdasarkan hasil uji kaji Sains yang dijalankan.

“Pelajar juga berpeluang menggunakan peralatan terkini di makmal UMP selain bagi mengekalkan momentum minat pelajar terhadap

Sains melalui pembekalan kelengkapan makmal setiap seorang. Pendekatan ini untuk memupuk pemikiran dan jati diri pelajar sebagai Saintis,” katanya.

Hadir sama, Pegawai JPN Pahang, Rohana Moin dan Pengerusi Kelab GoGoGreen, Profesor Dr Zafri Azran Abd Majid.

Dr Saifull berkata, pelbagai aktiviti dilakukan sepanjang kem berlangsung termasuklah pertandingan bot solar.

“Aktiviti ini memerlukan pelajar memasang sel solar berpandukan manual yang diberikan dan pemenang ditentukan berdasarkan bot yang terpanjang sampai ke garisan penamat,” katanya.

Sementara itu, Dekan FIST, Profesor Madya Dr Mohd Hasbi Ab Rahim berkata, pihaknya mengadakan pelbagai program dalam memperkasakan bakat pelajar bermula di peringkat sekolah melalui pembelajaran bercorak interaktif.